



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



PENDIDIKAN SENI VISUAL

TAHUN 5 SEKOLAH KEBANGSAAN





RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan
seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap
tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:


**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (SEMAKAN 2017)

PENDIDIKAN SENI VISUAL

TAHUN **5** SEKOLAH KEBANGSAAN



PENULIS

Sharkawi bin Che Din
Mohd Zamani bin Mohd Nor Peah
Hamisah binti Mohd Yusof



EDITOR

Ku Nurul Hidayah binti Ku Abdul Rahman
Ana Suhana binti Zainuddin



PEREKA BENTUK

Muhammad Izzuan bin Idris



ILUSTRATOR

Muhammad Izzuan bin Idris



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2020





KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0019

KK 741-221-0102011-49-2837-20101
ISBN 978-983-49-2837-7

Cetakan Pertama 2020
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2020

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk
Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:
Reka Cetak Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Muka Taip Teks: 14 poin

Dicetak oleh:
Sinaran Bros Sdn. Bhd.,
No. 1 & 3, Jalan 118C,
Desa Tun Razak,
56000 Cheras,
Kuala Lumpur.


PENGHARGAAN

Penerbitan pakej buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jawatankuasa Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Kompleks Kraf Kuala Lumpur.

KANDUNGAN

Pendahuluan	iv	
Pengenalan Ikon	vi	
Aktiviti Pembelajaran Abad Ke-21	1	
Bahasa Seni Visual	2	
Projek Seni Visual Penggal Satu	4	
UNIT 1	Si Putih Menawan	6
UNIT 2	Sayangilah Habitat Kita	14
UNIT 3	Jaket Buku Nota	22
UNIT 4	Misi Angkasa	30
UNIT 5	Pasu Mini	38
Projek Seni Visual Penggal Dua	46	
UNIT 6	Pungguk Rindu akan Bulan	50
UNIT 7	Bunga Kekwa Mekar	58
UNIT 8	Bingkai Gambarku	66
UNIT 9	Haiwan Peliharaan	74
UNIT 10	Bunga Kemboja Emas	82
Glosari	90	



PENDAHULUAN

Buku teks *Pendidikan Seni Visual Tahun 5 Sekolah Kebangsaan (SK)* disediakan berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Seni Visual Tahun 5, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017. Buku teks ini memfokuskan kandungannya kepada mata pelajaran Seni Visual melalui Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam DSKP yang menekankan bentuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang efektif untuk pemahaman murid.

SK dan SP yang dipersembahkan ini mengandungi peringkat pengetahuan seni visual yang mencakupi Elemen Merentas Kurikulum (EMK), Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan aktiviti Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21).

Aktiviti dalam penulisan buku teks ini memberikan fokus kepada pembinaan insan berliterasi bahasa seni visual menerusi aktiviti pengkayaan, pengurusan dan pembudayaan seni secara individu mahupun berkumpulan. Pelaksanaannya berdasarkan modul kurikulum, iaitu:

- Bahasa Seni Visual
- Kemahiran Seni Visual
- Kreativiti dan Inovasi Seni Visual
- Apresiasi Seni Visual

Buku teks ini mengandungi 10 unit yang disediakan berdasarkan empat bidang dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, iaitu menggambar; membuat corak dan rekaan; membentuk dan membuat binaan; dan mengenal kraf tradisional. Tema dan penyediaan hasil karya seni visual direncanakan agar seiring dengan keperluan kemahiran abad ke-21 dengan memberikan fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni.



Pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi 10 unit dalam buku teks ini dibahagikan kepada dua penggal. Setiap penggal merangkumi lima unit yang diolah berdasarkan aras mudah ke sukar serta mengikut kesesuaian murid. Cadangan masa PdP bagi setiap unit ialah dua hingga tiga minggu mengikut tahap kesukaran projek. Projek Seni Visual pula dicadangkan untuk dilaksanakan dalam masa lima minggu bagi penggal satu dan lima minggu bagi penggal dua.

Pada akhir setiap penggal, murid akan merancang, menyediakan dan melaksanakan pameran seni visual yang boleh diadakan di dalam kelas atau di luar kelas mengikut kesesuaian. Guru akan menilai kemampuan murid membuat apresiasi terhadap hasil karya masing-masing secara individu dan berkumpulan. Setiap halaman dalam buku teks ini dilengkapi dengan gambar dan ilustrasi yang menarik minat murid serta memberikan gambaran yang jelas terhadap aktiviti yang disampaikan.

Aktiviti dan bahan yang dicadangkan dalam buku teks ini disediakan sebagai rujukan dan panduan guru semasa pengajaran. Guru boleh membuat pengubahsuaian aktiviti dan bahan berdasarkan kreativiti serta aras kemampuan dan keperluan murid.

Guru boleh memberikan peluang dan pendedahan yang secukupnya kepada murid untuk meneroka media, teknik, alat dan bahan bagi setiap unit sebagai persediaan menghasilkan karya pada minggu seterusnya melalui aktiviti PAK-21. Murid digalakkan menghasilkan karya berdasarkan pemerhatian dalam lingkungan kreativiti mereka yang menerapkan nilai murni dan bersoal jawab secara aktif semasa sesi PdP.


Besarliah harapan penulis agar penerbitan buku teks ini dapat membantu murid dan guru dalam melaksanakan PdP yang efektif dan menarik. Buku teks ini dipersembahkan melalui penggunaan ikon, kod *Quick Response* (QR) dan *Augmented Reality* (AR) yang bertujuan untuk meningkatkan lagi kefahaman murid dalam menguasai mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dengan lebih baik.



PENGENALAN IKON



Nombor dan tajuk unit



Nombor Standard Pembelajaran

Nota Guru

Cadangan aktiviti dan maklumat tambahan yang disediakan sebagai panduan kepada guru untuk membimbing murid melaksanakan sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran.



INFORMASI

- Maklumat tambahan atau maklumat baharu yang menarik.



IMBAS KEMBALI

- Mengingat kembali pembelajaran yang pernah dipelajari.



TIP

- Panduan menjalankan aktiviti.



AWAS

- Peringatan tentang penjagaan kebersihan dan keselamatan.



KBAT

- Soalan KBAT untuk merangsang pemikiran murid.



Aktiviti PAK-21

- Cadangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.



Kod QR

- Maklumat tambahan dalam bentuk video.



Augmented Reality (AR)

- Maklumat tambahan dalam bentuk 2D dan 3D. AR boleh dimuat turun dengan menggunakan kod QR yang disediakan.



Play Store
(Android)



App Store
(iOS)

AKTIVITI PEMBELAJARAN ABAD KE-21

Aktiviti Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) boleh dijalankan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Terdapat tujuh cadangan aktiviti PAK-21 yang boleh dijalankan secara individu atau berkumpulan.

Fikir-Pasang-Kongsi (Think-Pair-Share)

Aktiviti ini dilaksanakan secara berpasangan. Setiap pasangan akan mendapat soalan daripada guru dan diberi masa untuk berfikir serta berbincang tentang jawapan. Hasil jawapan akan dikongsi bersama-sama dengan rakan yang lain.

Jalan Galeri (Gallery Walk)

Aktiviti ini dilaksanakan secara berkumpulan. Setiap kumpulan akan mempamerkan hasil kerja di dinding kelas. Kumpulan lain pula akan menilai dan memberikan ulasan masing-masing.

Pusingan Robin (Round Robin)

Aktiviti ini dilaksanakan secara individu. Setiap murid akan memberikan maklum balas tentang suatu perkara secara bergilir-gilir.

Sama-Beza (Same-Different)

Aktiviti ini dilaksanakan secara berpasangan. Setiap pasangan akan mengenal pasti persamaan dan perbezaan bahan pengajaran dalam bentuk gambar rajah yang diberikan oleh guru. Kemudian, murid akan bersoal jawab dan membandingkan jawapan mereka secara bergilir-gilir.

Suai Padan (Mix-n-Match)

Aktiviti ini dilaksanakan secara berkumpulan. Setiap murid melakukan pergerakan untuk mencari bahan daripada objek atau konsep yang tidak lengkap dan kemudian memadankannya.

Tinjau Kongsi (Room the Room)

Aktiviti ini dilaksanakan secara berkumpulan. Setiap kumpulan akan bergerak dari satu ruang ke ruang lain untuk melihat hasil kerja murid daripada kumpulan lain. Kemudian, membuat perkongsian tentang dapatan yang diperolehi.


Tunjuk Jawapan (Show Down)

Aktiviti ini dilaksanakan secara berkumpulan. Setiap murid dalam kumpulan menulis jawapan kepada soalan yang diberikan oleh guru dalam masa yang telah ditetapkan. Murid-murid perlu menunjukkan jawapan mereka secara serentak dan setiap ahli akan menyemak dan menambah baik jawapan rakan mereka dalam kumpulan.

BAHASA SENI VISUAL

Rupa

Capan rupa tangan yang menggambarkan sekuntum bunga.



Ruang

Ruang pada karya ini dibahagikan kepada bahagian hadapan, bahagian tengah dan bahagian belakang.



Garisan

Garisan yang digunakan dalam karya ini menggabungkan pelbagai kualiti garisan tebal dan halus.




Harmoni

Harmoni pada karya ini terhasil pada penggunaan warna sewarna.




Bentuk

Bentuk asas pasu ini ialah gabungan sfera dan silinder.



Kontra

Kontra pada model ini wujud kerana penggunaan warna hijau dan merah serta saiz model yang berbeza.



Imbangan

Imbangan pada karya ini dapat dilihat kerana objek disusun secara simetri.





Warna

Warna panas seperti merah, kuning dan jingga digunakan dalam karya ini.

Penegasan

Penegasan pada warna merah yang menonjol berbanding dengan warna lain.



Jalinan

Jalinan sentuh wujud pada karya ini kerana perbezaan sifat bahan yang digunakan.



Kesatuan

Kesatuan terhasil melalui gabungan motif tekat yang terdapat pada produk ini.



Ritma dan Pergerakan

Ritma dan pergerakan dapat dilihat pada bar silinder yang disusun secara berulang.



Kepelbagaian

Kepelbagaian bahan yang digunakan dalam penghasilan karya ini.



PROJEK SENI VISUAL PENGGAL SATU

Sepanjang penggal satu ini, kamu akan menghasilkan beberapa karya yang kreatif dan menarik. Kamu akan mempersembahkan hasil karya dalam projek pameran seni visual berskala kecil. Pameran ini boleh dilakukan di dalam kelas atau di ruang khusus di luar kelas. Terdapat tiga fasa pelaksanaan projek seni visual, iaitu sebelum, semasa dan selepas pameran. Mari laksanakan aktiviti ini mengikut perancangan.

Sebelum Pameran



Semasa Pameran

Ahli jawatankuasa perlu memastikan karya dan alatan selamat. Murid perlu memberikan penerangan ringkas kepada pengunjung tentang karya yang dihasilkan.

Sila kongsi pendapat kamu tentang karya sendiri dan karya rakan yang dipamerkan.




Selepas Pameran

Murid hendaklah menyimpan alatan dan bahan pameran di tempat penyimpanan yang sesuai seperti bilik seni visual, stor khas ataupun sudut khas di dalam kelas. Bersihkan ruang persekitaran pameran dan jaga kebersihan lokasi tersebut. Berikan penghargaan kepada semua murid dan ahli jawatankuasa yang terlibat. Pastikan murid menjaga karya selepas pameran.



- Bimbing murid menjalankan proses persediaan pameran seni visual berdasarkan perancangan.
- Bimbing murid membuat pameran seni visual.
- Bimbing murid untuk menceritakan karya sendiri dan memberikan pandangan tentang karya rakan semasa pameran.
- Bimbing murid mengurus karya dan alatan pameran supaya selamat dan terpelihara semasa pameran dijalankan.
- Bimbing murid melaksanakan perancangan selepas pameran selesai dijalankan.





UNIT 1

SI PUTIH MENAWAN



Lukisan antara satu cara menggambar dengan menggunakan media kering seperti pensel warna, *oil pastel*, krayon, pen penanda dan pen teknikal dengan teknik garisan. Lukisan dihasilkan dengan pengulangan pelbagai teknik garisan yang boleh menghasilkan ritma dan pergerakan.

Capan ialah teknik mengecap bahan semula jadi atau bahan buatan manusia. Unsur rupa boleh dilihat pada aktiviti capan yang dihasilkan. Lukisan dan capan boleh digabungkan untuk menghasilkan karya yang kreatif dan menarik.



INFORMASI

Antara karya lukisan yang menggunakan teknik garisan termasuklah coret (*doodle*). Coret boleh dihasilkan secara spontan, separa spontan dan terancang.



Span

Capan



Kad gelugur



Pembalut gelembung



Penutup botol



Contoh Karya Gabungan Lukisan dan Capan



Bunga lavender



Pokok sena



Si Ayam



Jambangan mawar



Kenal pasti jenis-jenis garisan yang terdapat pada hasil karya ikan laga.


Garisan

Melengkung

Selari

Zig-zag

- Bimbing murid menginterpretasikan bahasa seni visual (garisan, rupa, kesatuan, ritma dan pergerakan) pada contoh karya.
- Terangkan setiap alat yang digunakan untuk membuat capan akan memberikan kesan berbeza kepada murid.
- Jelaskan setiap kualiti garisan yang dihasilkan akan memberikan impak yang pelbagai kepada murid.
- Bersoal jawab dengan murid tentang ciri-ciri rupa dan garisan yang boleh menghasilkan capan.



Eksplorasi Lukisan dan Capan

Mari teroka bahan yang boleh digunakan untuk menghasilkan lukisan dan capan.

Permukaan Bahan

Media

Hasil Lukisan



Kain tebal



Pensel warna

- Menghasilkan garisan halus dan tebal
- Media mudah dikawal



Tisu masakan



Pen warna

- Menghasilkan garisan tebal
- Warna mudah menyerap



Sugar paper



Oil pastel

- Menghasilkan garisan tebal dan kasar
- Bahan mudah patah




Surat khabar



Pen teknikal

- Menghasilkan garisan halus untuk perincian
- Media mudah dikawal



Media



Polistirena

Bahan Pewarna



Cat poster

Hasil Capan

- Menyerap warna
- Jalinan yang jelas



Jari



Cat tempera

- Menyerap warna
- Jalinan cap jari jelas



Putik kapas



Cat air

- Menyerap warna
- Jalinan putik kapas jelas




Kad gelugur




Pewarna makanan

- Menyerap warna
- Jalinan kad gelugur jelas



Bincangkan kesan yang terhasil daripada pelbagai bahan yang digunakan semasa membuat garisan dan capan.



- Bimbing murid meneroka pelbagai media dan teknik untuk menghasilkan lukisan dan capan.
- Bersoal jawab dengan murid tentang ciri-ciri garisan, rupa organik dan rupa geometri yang terhasil semasa proses penerokaan.



Si Putih Menawan

Hasilkan karya gabungan lukisan dan capan. Berikan penekanan pada unsur garisan dan rupa. Kesatuan, ritma dan pergerakan juga perlu ada semasa menghasilkan karya.


A. Perkembangan Idea

1. Contoh Hal Benda




Angsa

2. Lakaran Idea



Lakaran 1




Lakaran 2



Lakaran 3 (pilihan)

B. Penentuan Bahan

Pilih jenis media bagi menghasilkan karya gabungan lukisan dan capan.





ALAT DAN BAHAN

C. Penghasilan Karya

1

Lukis gambar angsa mengikut lakaran pilihan.

Pensel

Kertas lukisan

Kad gelugur

Kad keras

Polistirena

Putik kapas

Cat poster

Pen penanda

Pen warna

Pen teknikal

Palet

Cap polistirena pada bahagian langit.

2

3

Gunakan putik kapas untuk mengecap bahagian pulau.

Warnakan kad gelugur dan cap pada bahagian tasik untuk memberikan kesan ritma dan pergerakan.

4

5

Lukis semula rupa angsa menggunakan pen penanda dengan menekankan kualiti garisan tebal dan nipis.



- Bimbing murid memilih contoh hal benda yang mudah mengikut tahap kebolehan mereka.
- Bimbing murid mengenal pasti terlebih dahulu bahagian lukisan dan capan pada lakaran awal.
- Bimbing murid menggunakan media dan teknik yang sesuai untuk menghasilkan karya gabungan lukisan dan capan.

Lukis garisan melingkar pada kepala angsa menggunakan pen teknikal.

6



7

Buat garisan zig-zag pada leher angsa sehingga bahagian dadanya.



8

Lengkapkan bahagian dada angsa dengan garisan beralun.



9

Buat garisan melengkung untuk menghasilkan bulu angsa.



10

Buat jalinan bulu angsa dengan garisan selari. Ulang langkah ini pada keseluruhan bulu angsa bagi menampakkan kesan kesatuan.





11

Buat garisan selari secara berselang-seli pada keseluruhan bahagian daun menggunakan pen warna. Kemaskan garisan luar daun menggunakan pen penanda.

Buat garisan titik-titik pada bahagian paruh menggunakan pen warna.

12




D. Kemasan Karya

13


Tampal hasil karya pada kad keras dan buat apresiasi karya di hadapan rakan-rakan.



Apakah unsur seni lain dan prinsip rekaan yang boleh kamu dapati dalam karya ini?



Syabas, kamu telah berjaya menghasilkan karya gabungan lukisan dan capan yang menarik!



3.1.1
(iv, v)
4.1.1

- Bimbing murid membuat kemasan karya.
- Bimbing murid membuat apresiasi karya di hadapan kelas menggunakan bahasa seni visual yang telah dipelajari.



SAYANGILAH HABITAT KITA



Poster ialah alat komunikasi yang menyampaikan maklumat secara visual. Ciri-ciri utama poster ialah tajuk, gambar dan maklumat. Terdapat pelbagai cara untuk menghasilkan poster seperti penghasilan poster montaj.

Montaj ialah gubahan gambar daripada sumber media cetak dan media elektronik. Proses penghasilan montaj melibatkan aktiviti potong dan tampal. Potongan objek yang disusun berdasarkan tema akan mewujudkan kesan kesatuan dan penegasan pada keseluruhan poster. Gabungan poster dan montaj menjadikan persembahan lebih bermaklumat, kreatif dan menarik.



IMBAS KEMBALI

Tajuk poster

Lakaran digital sebagai latar belakang

Poster iklan bertujuan untuk mempromosikan barang atau perkhidmatan.



Maklumat poster

Bahan daripada sumber bercetak sebagai montaj

Poster motivasi bertujuan untuk menggalakkan seseorang lebih berusaha untuk mencapai kecemerlangan.



Poster filem bertujuan untuk mempromosikan filem.



Poster kempen bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap sesuatu perkara.

Rupa ialah garisan luar objek. Rupa bersifat dua dimensi. Rupa terhasil daripada gabungan titik mula dan titik akhir.



Rupa bunga orkid


Ruang ialah bahagian kosong yang terdapat di sekeliling objek. Ruang berperanan sebagai pemisah di antara objek lain dalam karya. Objek dalam karya ini disusun pada ruang hadapan, ruang tengah dan ruang belakang.




PESTA
Orkid
Malaysia

Penegasan wujud apabila sesuatu objek diberikan penekanan berbanding dengan objek lain. Penegasan pada poster ini berperanan mewujudkan penekanan pada tajuk supaya mudah dibaca.

Imbangan ialah kesepadanan pembahagian objek dalam karya poster. Imbangan berperanan sebagai panduan susun atur antara tajuk, gambar bunga orkid dan maklumat supaya mudah dibaca.



Simetri



Tidak simetri



- Bimbing murid menginterpretasikan bahasa seni visual (ruang, rupa, penegasan, imbangan) pada contoh karya.
- Bimbing murid mengenal pasti ciri-ciri utama karya gabungan poster dan montaj melalui contoh-contoh lain.
- Bersoal jawab dengan murid tentang penggunaan bahasa seni visual dalam karya.

Eksplorasi Poster dan Montaj

Mari teroka reka letak dan tipografi daripada sumber bercetak dan sumber digital. Gabungan poster dan montaj yang berkesan dapat menyampaikan maklumat berdasarkan reka letak yang menarik.

Poster Pelbagai Tema

Poster Kempen
"Selamatkan Harimau Malaya"



Cat poster

Objek Utama



Majalah
(sumber bercetak)

Poster Motivasi
"Disiplin Kunci Kejayaan"



Internet (sumber digital)



Risalah
(sumber bercetak)

Poster Filem
"Semut Raksasa"



Kertas warna



Internet (sumber digital)



INFORMASI

Tipografi merupakan seni yang berkaitan dengan pemilihan muka taip.

Muka Taip



Surat khabar
(sumber bercetak)



Pen warna dan
stensil huruf



Majalah
(sumber bercetak)

Hasil Reka Letak

Reka letak poster ini menekankan aspek ruang. Kedudukan harimau disusun pada ruang hadapan, ruang tengah dan ruang belakang.

Ruang
belakang

Ruang
tengah

Ruang
hadapan



Reka letak poster menunjukkan imbalan simetri pada bahagian kanan dan kiri poster. Poster ini mudah dibaca kerana kedudukan tajuknya diletakkan di bahagian tengah.



Reka letak poster ini menunjukkan kesan penegasan pada objek semut yang bersaiz besar dan diletakkan di bahagian tengah poster.

Penegasan



- Bersoal jawab dengan murid tentang bahasa seni visual (ruang, rupa, penegasan, imbalan) semasa proses penerokaan.
- Bimbing murid meneroka pelbagai media dalam proses penghasilan karya gabungan poster dan montaj.

2.1.2
(i, ii, iii)

Poster Selamatkan Ikan Bayan (Parrot Fish)

Mari hasilkan karya gabungan poster dan montaj bertemakan alam semula jadi.

A. Perkembangan Idea

1. Contoh Hal Benda




Ikan bayan




INFORMASI

Tahukah kamu ikan bayan diancam kepupusan kerana bilangannya semakin berkurangan? Ikan bayan mempunyai sisik yang berwarna-warni dan terang.


2. Lakaran Idea



Lakaran 1 (pilihan)




Lakaran 2



Lakaran 3

B. Penentuan Bahan

Objek disusun bagi menimbulkan imbangan simetri dan ruang.





C. Penghasilan Karya



ALAT DAN BAHAN

Warnakan kertas lukisan sebagai latar belakang air laut menggunakan cat poster.

1



Kertas lukisan

Cat poster



Berus



Guntingkan huruf pada surat khabar bagi menghasilkan tajuk poster "SELAMATKAN IKAN BAYAN".

2



Gunting



Gam



Pen warna



Guntingkan gambar ikan bayan daripada majalah dan Internet.

3



Gambar ikan bayan



Majalah



Surat khabar



Guntingkan gambar pemandangan dasar laut yang dimuat turun daripada Internet.

4



- Bimbing murid membuat carian gambar daripada pelbagai sumber.
- Bimbing murid membuat lakaran idea gabungan poster dan montaj berdasarkan contoh hal benda.
- Bimbing murid menggunakan pelbagai jenis media semasa menghasilkan poster.






5

Kumpul semua gambar yang telah dipotong.

6

Susun atur semua potongan objek agar menimbulkan kesan ruang danimbangan pada karya.



7

Tampal tajuk pada latar belakang poster setelah susun aturnya sesuai.

8

Tampal gambar dengan kemas bagi menimbulkan kesan seimbang pada karya.



9

Guntingkan logo penganjur yang diperoleh daripada sumber Internet dan tampal pada poster.



BAYAN



D. Kemasan Karya

Lakar buih-buih ikan menggunakan pen warna sebagai kemasan pada karya poster.

10

SELAMATKAN
IKAN
BAYAN



Pamerkan hasil karya kamu di sudut pameran dan buat apresiasi poster "Selamatkan Ikan Bayan".



INFORMASI

Poster boleh dihasilkan dengan menggunakan perisian berkomputer. Pereka grafik mestilah mahir menggunakan komputer dan perisian yang berkaitan dengan grafik berkomputer.

3.1.1
(iv, v)
4.1.1

- Galakkan murid mempelbagaikan bahan dan teknik berdasarkan rupa yang berbeza.
- Bimbing murid membuat apresiasi berdasarkan bahasa seni visual, teknik dan proses.
- Bimbing murid membuat apresiasi seni berdasarkan hasil karya.

EMK: Kreativiti dan Inovasi

: Menilai

PAK-21: Pusingan Robin
(Round Robin)



JAKET BUKU NOTA



Penggunaan motif secara berulang adalah perlu untuk menghasilkan corak. Salah satu cara untuk menghasilkan motif tersebut adalah dengan teknik kolaj. Kolaj ialah teknik tampalan bertindih secara terancang pada suatu permukaan.

Ruang di antara motif kupu-kupu dengan latar belakang memberikan kesan ilusi pada karya.

Saiz dan warna kupu-kupu memberikan kesan penegasan pada karya.



Karya kolaj kupu-kupu dan bunga

Penggunaan warna panas memberikan kesan harmoni pada karya.

Teknik kolaj yang berbeza pada motif dan latar belakang menimbulkan kesan jalinan pada karya.



Kenal pasti susunan corak yang terdapat pada karya.

Untuk menghasilkan motif yang menarik, pemilihan warna boleh memberikan kesan penegasan pada susunan coraknya.



INFORMASI

Warna harmoni ialah warna yang hampir sama atau warna senada. Warna panas dan warna sejuk boleh mewujudkan kesan harmoni ini.


sejuk



panas



Proses Penghasilan Kolaj

Mari lihat pelbagai teknik yang boleh digunakan untuk menghasilkan kolaj.



Jenis Susunan Corak Terancang

Motif boleh disusun secara berulang dan diolah mengikut susunan corak terancang.




- Bimbing murid menginterpretasikan bahasa seni visual (warna, ruang, jalinan, penegasan) yang terdapat pada karya contoh.
- Tunjukkan contoh corak kolaj yang telah dipelajari kepada murid.

Penghasilan Motif

Motif dalam penghasilan corak boleh diolah daripada rupa atau bentuk yang terdapat di sekeliling kita. Motif kolaj yang dihasilkan boleh memberikan kesan penegasan pada karya.

Motif Sebenar



Sandwic



Sarang lebah




Daun keladi



Belimbing

Rupa Motif



Alat



Tangan



Pengasah pensel



Penebuk kertas



Gunting

Bahan



Majalah



Pensel warna



Kertas warna
















Kain felt



TIP

Penyepit kecil boleh digunakan semasa proses menampal hasil tebukan, koyakan dan potongan yang bersaiz kecil.



Teknik	Hasil Motif	Susunan	Kesan
 <p data-bbox="192 656 292 695">Koyak</p>		 <p data-bbox="785 724 921 763">Cerminan</p>	<ul data-bbox="1049 589 1292 666" style="list-style-type: none"> • Mudah dikoyak dan ditampal
 <p data-bbox="192 956 278 994">Asah</p>		 <p data-bbox="785 1004 921 1043">Batu bata</p>	<ul data-bbox="1049 811 1292 1043" style="list-style-type: none"> • Menghasilkan kesan jalinan kasar dan perlu menggunakan gam kuat untuk menampal
 <p data-bbox="192 1255 292 1294">Tebuk</p>		 <p data-bbox="821 1313 892 1352">Jidar</p>	<ul data-bbox="1049 1197 1292 1275" style="list-style-type: none"> • Mudah ditebuk dan ditampal
 <p data-bbox="192 1555 292 1593">Potong</p>		 <p data-bbox="821 1613 892 1651">Jalur</p>	<ul data-bbox="1049 1429 1292 1622" style="list-style-type: none"> • Menghasilkan kesan jalinan lembut dan mudah digunting



- Bersoal jawab dengan murid tentang bahasa seni visual (warna, ruang, jalinan, penegasan) semasa proses penerokaan.
- Bimbing murid meneroka pelbagai media dan teknik untuk menghasilkan motif dan corak terancang.

Tampal-tampal Kapal Layar

Mari hasilkan corak kolaj dengan motif kapal layar menggunakan teknik kolaj seperti potong dan koyak.

A. Perkembangan Idea

1. Contoh Hal Benda



Kapal layar


2. Lakaran Idea



Lakaran 1




Lakaran 2




Lakaran 3 (pilihan)

C. Penghasilan Karya



1 Lukis rupa kapal layar mengikut lakaran pilihan pada kertas tebal.



2 Potong rupa kapal layar pada kertas tebal sebagai motif kolaj.




3 Lukis rupa kapal layar secara susunan batu bata dengan latar belakang berombak pada kertas lukisan.

B. Penentuan Bahan

Pilih jenis susunan corak terancang dan tentukan teknik kolaj yang sesuai.

Corak susunan batu bata



Latar belakang
• kertas warna
• teknik potong dan koyak

Kapal
• kain felt
• teknik potong


Layar kapal
• kertas corak
• teknik potong



Potong dan koyak dua kertas yang berbeza ton warna.



4




Tampal dan hasilkan kolaj ombak sebagai latar belakang.

5



Guntingkan dan tampal kain felt untuk dijadikan badan kapal layar.

6



Guntingkan dan tampal kertas corak sebagai layar kapal.

7

D. Kemasan Karya



Hias badan kapal layar dengan kertas berkilat dan benang sulam pada tiang layar.

8



Hasil motif kolaj kapal layar yang telah siap. Pengulangan motif kapal layar yang menggunakan pelbagai teknik kolaj menghasilkan corak yang harmoni.




ALAT DAN BAHAN

Pensel



Kertas lukisan




Kertas warna



Kertas corak



Kertas tebal



Kain felt



Gunting



Gam



Penebuk kertas



Bahan hiasan



- Bimbing murid menentukan motif kolaj melalui sumber idea yang dipilih.
- Bimbing murid menentukan susunan corak, media dan teknik semasa proses penghasilan kolaj.
- Bersoal jawab dengan murid tentang unsur rupa dan prinsip harmoni yang terdapat pada corak kolaj.
- Minta murid mengamalkan disiplin dan nilai murni dalam berkarya.
- Minta murid membuat kemasan akhir pada corak kolaj yang dihasilkan.

Jaket Buku Nota


Mari hasilkan jaket buku menggunakan hasil karya corak kapal layar.

A. Perkembangan Idea


1. Contoh Hal Benda




2. Lakaran Idea



Lakaran 1



Lakaran 2
(pilihan)




Lakaran 3

C. Penghasilan Karya



1

Lipat hasil karya menjadi dua bahagian yang sama.



2

Lipat dan potong kertas warna menjadi dua bahagian yang sama.



3

Tampal pita pelekat dua muka pada kertas warna yang telah dipotong.



Tahniah, kamu telah berjaya menghasilkan jaket buku nota bercorak kapal layar yang menarik! Buat apresiasi pada hasil karya yang telah dihasilkan.

D. Kemasan Karya



8

Tampal butang pada jalur kain felt menggunakan gam kuat.

B. Penentuan Bahan



ALAT DAN BAHAN


Kertas warna



Kain felt



Pita pelekat dua muka



Gunting



Gam kuat




Pita velkro



Bahan hiasan




Hasil karya corak kapal layar



Pita velkro

Kain felt

Kertas warna



4

Tampal kertas warna pada belakang hasil karya di bahagian kiri.



5

Ulang langkah 3 dan 4 pada bahagian kanannya.



6

Guntingkan kain felt seperti jalur reben untuk diletakkan pada jaket buku.




TIP

Pita velkro digunakan untuk merapatkan jaket buku agar tidak terbuka.

Potong kecil pita velkro. Gunakan gam kuat untuk menampalkannya pada bahagian hujung jalur kain felt, manakala pasangannya diletakkan pada bahagian hadapan jaket buku.

7



- Bimbing murid menentukan jenis produk rekaan berdasarkan sumber idea.
- Galakkan murid mengembangkan idea reka bentuk produk yang diinginkan.
- Minta murid menetapkan media dan teknik yang bersesuaian.
- Minta murid membuat apresiasi karya di hadapan kelas menggunakan bahasa seni visual yang telah dipelajari.



3.1.3
(i, ii, iii,
iv, v)
4.1.1





UNIT 4

MISI ANGKASA



Model ialah objek tiga dimensi yang boleh disentuh serta mempunyai ruang dan isi padu. Model dihasilkan untuk menentukan teknik binaan dan bahan yang bersesuaian mengikut rekaan yang telah dipilih. Binaan model dijadikan rujukan penting sebelum objek sebenar dibina.




INFORMASI


Perkataan model berasal daripada bahasa Latin, iaitu *modulus* yang bermaksud ukuran kecil.

Model Robot Saya



Model yang ringkas dibina daripada gabungan bentuk asas seperti sfera, kubus, kuboid, silinder, kon dan piramid. Mari teroka model robot yang menggunakan gabungan pelbagai bentuk asas.




Badan robot
berbentuk sfera



Bahu berbentuk
silinder




Kaki berbentuk
kuboid




Tapak kaki berbentuk
separa bulat

Sudut Pandangan



Pandangan
atas



Pandangan
sisi



Pandangan
hadapan



Pandangan
perspektif



TIP

Imbangan pada model mudah dikenal pasti jika melihatnya dari pelbagai sudut pandangan.

1.1.3 (ii)

- Bimbing murid menginterpretasikan bahasa seni visual (bentuk, warna, imbangan, kontra) pada contoh karya.
- Bersoal jawab dengan murid tentang penggunaan pelbagai bentuk dan sudut pandangan dalam reka bentuk model.

EMK: Sains dan Teknologi

: Mengaplikasi

PAK-21: Suai Padan
(Mix-n-Match)

Bahan dan Teknik Model

Model dihasilkan daripada pelbagai bahan. Mari teroka bahan yang sesuai untuk membina model. Kamu boleh mencantumkan bahan tersebut menggunakan teknik binaan dan cantuman.

Bahan

Teknik
Binaan

Teknik
Cantuman

Hasil



Modelling clay



Picitan



Gabungan



Kad manila



Cantuman



Selitan



Dawai hiasan



Lilitan



Ikatan





INFORMASI

Kini, model dihasilkan secara digital menerusi cetakan tiga dimensi.




Bahan

Teknik
Binaan

Teknik
Cantuman

Hasil



Kertas warna



Cantuman



Pita pelekat dua muka



Pen 3D dan
Filamen



Lakaran 3D



Lekatan melalui
pemanasan



Cawan plastik



Cantuman



Pita pelekat
dua muka



- Bersoal jawab dengan murid tentang bahasa seni visual (bentuk, warna,imbangan, kontra) semasa proses penerokaan.
- Bimbing murid meneroka pelbagai media dan teknik lain dalam proses penghasilan model.

Model Roket Angkasa

Mari hasilkan model roket dengan menggabungkan bentuk-bentuk asas.


A. Perkembangan Idea

1. Contoh Hal Benda



Roket


2. Lakaran Idea



Pandangan sisi

Pandangan hadapan


Lakaran 1



Pandangan sisi

Pandangan hadapan

Lakaran 2 (pilihan)




Pandangan sisi

Pandangan hadapan

Lakaran 3

B. Penentuan Bahan


Kenal pasti bahagian roket dan pilih bahan yang sesuai berdasarkan sifatnya.



C. Penghasilan Karya


Lukis rupa separuh bulatan pada kertas warna bersaiz A4.

1



2

Guntingkan rupa separuh bulatan.



Gulung hasil potongan menjadi bentuk kon dan lekatkan dengan menggunakan pita pelekat dua muka.

3



4

Tampal kon pada bahagian bawah botol menggunakan pita hiasan bagi membentuk kepala roket.



ALAT DAN BAHAN

Pensel

Botol plastik

Kadbod

Pembaris

Pita pelekat dua muka

Gunting

Kertas warna

Pita hiasan

Cat poster

Bahan hiasan

3.1.4
(i, ii,
iii, vi)

- Bimbing murid membuat carian gambar daripada pelbagai sumber.
- Bimbing murid membuat lakaran idea reka bentuk berdasarkan contoh hal benda.
- Bimbing murid menggunakan pelbagai jenis media dan teknik dalam penghasilan model.



Balut badan roket dengan kertas warna bagi menimbulkan kesan kontra dengan bahagian atas roket.

5




6

Tampal pita hiasan pada bahagian atas badan roket supaya kelihatan lebih menarik.


Lukis rupa sayap roket.

7




8


Guntingan sayap roket.



Warnakan sayap roket dengan cat poster. Ulang langkah 7 hingga 9 bagi menghasilkan sayap kedua dan ketiga.

9





10

Potong dan lipat bahagian tepi sayap untuk meletakkan pita pelekat dua muka.



TIP

Badan roket boleh dibina dengan menggunakan botol pelbagai bentuk supaya lebih kukuh dan menarik.

Lekatkan ketiga-tiga sayap pada badan roket. Pastikan kedudukan sayap roket seimbang dan kukuh.

11



12

D. Kemasan Karya

Hias model roket dengan bahan hiasan yang sesuai.

Tahniah, kamu telah berjaya membina model roket angkasa yang menarik!



Contoh reka bentuk lain



3.1.4
(v, vi)
4.1.1
4.1.2

- Bimbing murid menghasilkan model roket yang kukuh dan selamat.
- Bimbing murid membuat kemasan pada model roket.
- Minta murid membuat apresiasi berdasarkan bahasa seni visual, teknik dan proses penghasilan.



PASU MINI




Tembikar tradisional ialah bekas yang diperbuat daripada bahan tanah liat dan mempunyai fungsi tertentu. Tembikar akan dibakar melalui kaedah pembakaran secara tradisional atau secara tanur sebelum digunakan. Negeri Perak, Pahang, Kelantan dan Sarawak adalah antara negeri yang terkenal dengan pembuatan tembikar tradisional. Di Pahang, terenang terkenal sebagai tembikar yang berfungsi sebagai bekas untuk menyimpan air.

Motif rupa organik pada terenang disusun secara berulang untuk menghasilkan corak.

Terenang mempunyai bentuk konkrit bersifat tiga dimensi yang boleh disentuh dan dilihat.

Terenang mempunyai imbangan simetri apabila diletakkan garisan paksi di tengah-tengah.

Nama bahagian pada tembikar terenang



Tembikar terenang

Penegasan pada terenang ialah susunan corak pelbagai motif yang diletakkan pada bahagian tertentu seperti di bahagian kepala, bibir, dada dan pelapik.

Galeri Tembikar Tradisional

Selain terenang, terdapat pelbagai jenis rekaan dan fungsi tembikar tradisional tempatan.

Bekas Air



Buyung Labu

Bekas Makanan



Belanga Periuk tanah

Perasapan



Bekas kemenyan Bekas bara

Jambangan



Bekas bunga

Pelbagai media, teknik dan jenis ragam hias yang digunakan untuk menghiasi tembikar tradisional tempatan.

Media dan Teknik

Cara Penghasilan

Hasil



Kayu tera

Kayu tera ditekan pada permukaan tembikar untuk menghasilkan motif dan corak.



Terapan



Tanah

Teknik ini dibuat dengan menampal tanah liat untuk membentuk motif.



Timbul



Alat menggruris

Permukaan tembikar akan diguris untuk menghasilkan motif.



Gurisan



Pembakaran

Kesan pembakaran boleh menghasilkan warna hitam pada tembikar.



Warna



INFORMASI

Encik Muhammad bin Zakaria ialah pengusaha tembikar terenang yang masih aktif di negeri Pahang. Beliau berkebolehan menghasilkan tembikar terenang dengan kaedah tradisional dan moden.















1.1.4
(i)


- Bimbing murid mengenal pasti jenis rekaan dan dekorasi tembikar tradisional tempatan.
- Bimbing murid menginterpretasikan bahasa seni visual (bentuk, rupa, imbalan, penegasan) pada contoh karya.

Eksplorasi Tembikar

Mari teroka kaedah penghasilan tembikar menggunakan teknik dan bahan berikut.

























Bahan	Teknik	Hasil
 <p>Doh</p> <p>Doh dihasilkan dengan menggunakan tepung. Doh mudah dibentuk kerana sifatnya yang lembut.</p>	 <p>Picitan</p>	
 <p>Paper clay</p> <p>Paper clay bertekstur seperti tanah dan mudah dibentuk. Bahan ini dibiarkan mengeras pada suhu bilik.</p>	 <p>Lingaran</p>	
 <p>Modelling clay</p> <p>Modelling clay mudah dibentuk dan diukir kerana sifatnya yang lembut. Bahan ini terdapat dalam pelbagai warna.</p>	 <p>Kepingan</p>	
 <p>Polimer lembut</p> <p>Polimer lembut bersifat lembut dan mudah mengeras pada suhu bilik. Bahan ini terdapat dalam pelbagai warna.</p>	 <p>Acuan</p>	

Bentuk tembikar yang pelbagai berfungsi sebagai bekas makanan, minuman dan hiasan rumah.



Teroka Motif dan Ragam Hias

Mari gunakan pelbagai jenis media dan teknik hiasan untuk membuat ragam hias pada permukaan tembikar.

Media	Teknik	Kesan	Hasil
 Kuku	Terapan		
 Kulit kerang			
 Penutup botol			
 Garpu			
 Pencungkil gigi	Gurisan		
 Mata pen			
 Cat poster	Warna		
 Paper clay	Timbul		



- Bersoal jawab dengan murid tentang bahasa seni visual (bentuk, rupa,imbangan, penegasan) semasa membuat penerokaan.
- Minta murid meneroka pelbagai media dan teknik semasa proses penghasilan tembikar.

Pasu Mini

Mari hasilkan pasu mini menggunakan teknik lingkaran.


A. Perkembangan Idea

1. Contoh Hal Benda




Pasu

2. Lakaran Idea



Lakaran 1



Lakaran 2




Lakaran 3 (pilihan)

B. Penentuan Bahan

Pilih jenis media dan teknik ragam hias yang sesuai.

Teknik lingkaran

Ragam hias



Teknik terapan
• garpu plastik

Teknik timbul

Paper clay

Teknik warna
• cat poster


C. Penghasilan Karya

Membentuk Tembikar



1

Uli *paper clay* menjadi bebola dan gelek dengan menggunakan penggelek untuk menghasilkan tapak tembikar.



2

Gunakan gelas sebagai panduan tapak tembikar yang lebih tepat.



3

Bentukkan doh mengikut panjang lingkaran yang dikehendaki.



ALAT DAN BAHAN

Paper clay



Cat poster



Berus



Pisau plastik



Garpu plastik



Penggelek



Gelas



Penyembur pengilat




4

Guris dan sapukan air pada bahagian yang hendak diletakkan lingkaran.



5

Cantumkan lingkaran pada bahagian yang telah diguris dan disapukan air.




TIP

Guris dan sapukan air pada bahagian yang ingin dicantumkan bagi menguatkan cantuman.

6

Potong lebihan lingkaran. Buat gurisan serta sapukan air pada lingkaran yang dipotong sebelum dicantumkan.




7

Ulang langkah 3 hingga 6 sehingga mendapat bentuk dan ketinggian yang dirancang.

Imbangan simetri terdapat pada bentuk tembikar yang telah siap.

Tembikar juga boleh dihasilkan tanpa memotong lebihan lingkaran dengan meneruskan proses membentuk.



- Bimbing murid menentukan tema dan tajuk melalui sumber idea.
- Bimbing murid menyediakan perkembangan idea reka bentuk dan motif dengan menekankan identiti kebangsaan.
- Bimbing murid menetapkan media dan teknik yang akan digunakan.
- Bimbing murid menghasilkan tembikar yang berfungsi dengan saiz yang sesuai.



Membuat Ragam Hias

TEKNIK TIMBUL



- 8** Hasilkan beberapa lingkaran kecil sebagai hiasan.



- 9** Tampal lingkaran pada permukaan tembikar.

- 10** Tambah hiasan lain pada bahagian mulut tembikar.



- 11** Guna garpu untuk menghasilkan kesan terapan pada lingkaran tembikar.

- 12** Keringkan tembikar yang sudah dihias pada suhu bilik sebelum diwarnakan.

TEKNIK TERAPAN




TIP

Dekorasi dibuat semasa bahan masih lembap untuk memudahkan terapan.


TEKNIK WARNA

- 13** Warnakan tembikar menggunakan cat poster dan biarkannya pada suhu bilik supaya tembikar kering dengan sekata.



Penegasan terdapat pada motif yang berwarna hijau muda.

Syabas, kamu berjaya menyiapkan pasu mini!



D. Kemasan Karya

- 14** Sembur tembikar yang telah diwarnakan dengan penyembur pengilat untuk menampakkan kesan kilat dan mengekalkan warna.



INFORMASI

Teknik sepuhan kaca digunakan untuk mengilatkan permukaan tembikar.




AWAS

Berhati-hati semasa menggunakan penyembur pengilat.

- 15** Masukkan tumbuhan kecil ke dalam pasu mini ini. Pamer dan buat apresiasi tembikar yang telah dihasilkan di hadapan kelas.



Contoh reka bentuk lain



- Pastikan murid mematuhi disiplin pengkaryaan dan nilai murni semasa menghasilkan karya.
- Bimbing murid menggunakan penyembur pengilat semasa membuat kemasan karya.
- Bimbing murid membuat apresiasi karya dengan menghubungkaitkannya dalam kehidupan harian dan masyarakat.

PROJEK SENI VISUAL PENGGAL DUA

Pada penggal satu yang lalu, kamu telah berjaya mempamerkan hasil karya melalui projek seni visual di dalam bilik darjah. Untuk penggal dua, mari pameran hasil karya kamu di tempat yang mempunyai ruang pameran yang lebih luas dan terbuka seperti dewan sekolah, bilik darjah khas atau galeri seni sekolah. Pameran ini diadakan supaya kita dapat menghargai karya seni yang dihasilkan.

Perancangan dan Persediaan

Rancang dan buat persediaan pameran seni visual dalam kumpulan.



1 Bincangkan dan lantik ahli jawatankuasa pameran.



Tentukan tema pameran dan lokasi pameran.

2



6 Promosikan pameran melalui hebahan media cetak dan media sosial.

Susun atur karya di tempat pameran mengikut tema berdasarkan empat bidang Pendidikan Seni Visual.

5



4 Sediakan kapsyen setiap hasil karya dengan kreatif seperti meletakkan gambar rakan yang terlibat.



3 Kumpul hasil karya rakan-rakan kamu dari awal tahun dan pilih hasil karya yang akan dipamerkan.



- Bimbing murid merancang persediaan pameran seni visual dalam jawatankuasa masing-masing.
- Bimbing murid menjalankan proses persediaan pameran seni visual berdasarkan perancangan.
- Bimbing murid membuat pameran seni visual.

Pameran Seni Visual

- Bercerita tentang karya sendiri kepada guru, rakan-rakan dan pengunjung pameran.
- Berikan pandangan tentang karya rakan semasa pameran.
- Pastikan karya dan alat pameran berada dalam keadaan selamat.

INFORMASI

Pameran digital secara dalam talian merupakan kaedah baharu untuk mempamerkan hasil karya seni tanpa melibatkan ruang fizikal. Pameran boleh dilaksanakan dengan menggunakan platform media sosial bagi menarik lebih ramai pengunjung dalam talian.





Penyimpanan

- Simpan dan susun semula alatan serta hasil karya di tempat penyimpanan yang telah dikhaskan.
- Bersihkan lokasi serta persekitaran tempat pameran selepas pameran dilaksanakan.
- Berikan penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa yang terlibat seperti memberikan hadiah dan sijil penghargaan.



- Bimbing murid mengurus karya dan alatan pameran supaya selamat dan terpelihara semasa pameran dijalankan.
- Bimbing murid menyimpan dan menyusun alatan dan hasil karya selepas pameran tamat.
- Bimbing murid untuk menceritakan karya sendiri dan memberikan pandangan tentang karya rakan semasa pameran.



UNIT 6

PUNGGUK RINDU AKAN BULAN



Menggambar dengan teknik kolaj antara aktiviti yang biasa dilakukan bagi menimbulkan kesan jalinan dan warna. Teknik gurusan pula memberikan kesan terhadap karya dengan penghasilan garisan secara harmoni atau kontra. Kedua-dua teknik ini boleh digabungkan bagi menghasilkan karya yang kreatif dan menarik.

Warna latar dan hasil gurusan menampakkan kesan kontra pada karya.

Gabungan teknik kolaj dan gurusan memberikan kesan harmoni pada karya.



Kualiti garisan yang dihasilkan berbeza bergantung pada alat mengkuris yang digunakan.


Kolaj pada layar kapal memberikan kesan jalinan pada karya.

Karya gabungan gurusan dan kolaj



IMBAS KEMBALI

Aktiviti gurusan melibatkan tiga lapisan, iaitu:



Contoh Karya Kolaj



Kasut tumit tinggi



Kasut sukan



Angsa

Contoh Karya Gurisan



Daun lidah jin





Ikan laga



Bunga

Contoh Karya Gurisan dan Kolaj



- Bimbing murid menginterpretasikan bahasa seni visual (garisan, warna, harmoni, kontra) yang terdapat pada contoh karya.
- Bincangkan pemilihan alat gurisan yang memainkan peranan bagi mendapatkan kualiti garisan yang dikehendaki dan peranan warna pada lapisan gurisan.
- Terangkan media yang boleh digunakan untuk menghasilkan kolaj dan gurisan.

Eksplorasi Kolaj dan Gurisan

Pelbagai media boleh digunakan untuk menghasilkan karya gabungan teknik gurkan dan kolaj. Pemilihan media mempengaruhi karya yang akan dihasilkan.

Media Kolaj dan Gurisan

Bahan Kolaj



Majalah

Permukaan Gurisan



Sugar paper

Bahan Warna




Oil pastel

Alat Gurisan



Garpu



Kain felt



Kertas tebal



Lilin warna



Belakang berus



Kertas warna



Kad keras



Cat tempera



Lidi sate



Kertas corak



Kertas lukisan



Krayon



Batang aiskrim



TIP

Oil pastel boleh digantikan dengan cat tempera yang dibancuh dengan sedikit cecair pencuci pinggan untuk mendapatkan kesan yang sama.

Apakah kesan yang terhasil apabila menggunakan alat gurisan yang berbeza?

Proses

Hasil Gabungan

Kolaj



Koyak

Gurisan



Potong



Koyak dan potong



Potong dan tekan



- Bimbing murid untuk membancuh warna tempera dengan sesudu cecair pencuci pinggan.
- Beri penegasan pada unsur seni yang dipelajari, iaitu garisan dan warna.
- Bimbing murid meneroka alat dan bahan yang paling sesuai untuk gurisan dan kolaj.
- Rujuk contoh gurisan melalui enjin carian dengan menggunakan istilah bahasa Inggeris, iaitu *scratch art*.

EMK: Nilai Murni

 : Mengaplikasi

 PAK-21: Tinjau Kongsi
(Roam the Room)

Pungguk Rindu akan Bulan

Mari hasilkan sebuah karya gabungan gurisan dan kolaj menggunakan pinggan kertas.


A. Perkembangan Idea

1. Contoh Hal Benda



Burung pungguk


2. Lakaran Idea



Lakaran 1



Lakaran 2



Lakaran 3
(pilihan)

B. Penentuan Bahan

Kenal pasti bahagian kolaj dan gurisan. Pilih jenis media dan teknik yang sesuai.

Kolaj

Bulan


- plastik bungkus

Bahagian dalam pokok

- kertas warna

Kulit pokok

- tali guni



Gurisan

Ira pokok

- batang aiskrim

Awan

- pembaris

Daun

- lidi sate

C. Penghasilan Karya



1 Lakar gambar pada kertas surih dan potong mengikut bentuk pinggan.



2 Warnakan pinggan kertas dengan *oil pastel* pelbagai warna.



3 Tindih lapisan ketiga dengan *oil pastel* berwarna gelap.



4 Letakkan kertas surih di atas pinggan dan surih dengan menggunakan kayu guris.



5 Buat garisan melingkar pada bahagian awan dengan menggunakan pembaris.



ALAT DAN BAHAN

Pensel



Oil pastel



Pinggan kertas



Kertas surih



Kayu guris



Pembaris



Batang ais krim



TIP

Gunakan sapu tangan atau tisu untuk membersihkan sisa guris yang terdapat pada alatan guris.



- Bimbing murid menentukan hal benda dan membuat olahan idea.
- Bimbing murid menggunakan bahasa seni visual (garisan, warna harmoni, kontra) dalam berkarya.
- Bimbing murid menggunakan media dan teknik yang sesuai semasa berkarya.



6

Buat garisan halus pada daun dengan menggunakan lidi sate.



7

Gunakan batang ais krim untuk membuat gurisan ira pokok.




8

Asah pensel warna dan tampal sisa asahan pensel secara bertindih dengan menggunakan gam kuat pada badan burung.



10

Guntingkan plastik bungkusan dan tampal sebagai bulan.



9

Potong kertas warna dan tampal pada bahagian dalam pokok.



11 Koyakkan kertas warna hitam dan tampal sebagai latar belakang.



12 Tampal tali guni di sekeliling pokok.



D. Kemasan Karya

13 Buat kemasan di sekeliling pinggan kertas dengan bahan hiasan.



ALAT DAN BAHAN

Gunting




Gam



Pensel warna



Pengasah pensel



Plastik bungkusan



Kertas warna



Tali guni



Lidi sate




Penyepit kecil



Bahan hiasan



Tahniah, karya gabungan gurisan dan kolaj siap untuk dipamerkan!



3.1.1
(iv, v)
4.1.1
4.1.2

- Bimbing murid membuat kemasan akhir.
- Bimbing murid membuat apresiasi karya secara kritis berpandukan bahasa seni visual, teknik dan proses bagi karya sendiri dan rakan.

EMK: Nilai Murni

: Mengaplikasi

PAK-21: Pusingan Robin
(Round Robin)



BUNGA KEKWA MEKAR



Mozek ialah hasil karya seni yang menampakkan sempadan ruang atau garisan pemisah di antara dua bahagian. Teknik ini dihasilkan secara tampalan, lukisan, catan dan digital.

Catan pula ialah hasil karya seni dua dimensi yang dihasilkan dengan media basah seperti cat air dan cat poster menggunakan teknik-teknik tertentu.


Mozek dan catan digunakan untuk menggambarkan sesuatu peristiwa dan keadaan. Gabungan aktiviti ini dapat menghasilkan satu karya yang indah.

Tampalan mozek akan memberikan kesan jalinan sentuh dan jalinan tampak.

Penggunaan warna yang terang seperti warna panas dapat menarik perhatian.

Penegasan adalah pada saiz bunga yang lebih besar dan menonjol.

Kepelbagaian dapat diperhatikan pada variasi rupa dan warna.




INFORMASI

Mural mozek di bahagian hadapan Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dihasilkan oleh Ismail Mustam. Mural ini siap pada tahun 1961 dan telah menggunakan sebanyak 1.4 juta keping mozek.



Karya catan menggunakan cat poster yang dihasilkan di atas mozek kulit telur. Susunan mozek kulit telur dihasilkan terlebih dahulu dan di atasnya akan dihasilkan karya catan.



Galeri Mozek dan Catan

Gabungan karya mozek dan catan boleh dilakukan dengan pelbagai kaedah. Mari lihat contoh karya mozek dan catan.

Karya Mozek daripada Karya Catan

Karya mozek ini dihasilkan daripada karya catan yang dipotong mengikut rupa segi empat dan disusun semula.



Karya Catan Berlatarkan Mozek

Karya catan ini dihasilkan dengan menggunakan media basah. Latar karya digubah seperti susunan mozek yang mengelilingi objek utama.



Karya Mozek Berlatarkan Catan

Karya ini merupakan karya catan. Objek utama dipotong dan disusun semula secara susunan mozek di atas latar catan.



- Jelaskan kepada murid makna gabungan catan dan mozek berdasarkan pemerhatian yang dibuat dengan menyatakan media dan teknik yang boleh digunakan.
- Bimbing murid menginterpretasikan bahasa seni visual (jalanan, warna, penegasan, kepelbagaian) pada contoh karya.

Eksplorasi Mozek dan Catan

Berdasarkan contoh-contoh karya yang telah dipelajari, mari teroka pelbagai media dan teknik yang boleh digunakan untuk menghasilkan gabungan mozek dan catan. Teliti perbezaan yang wujud.

MEDIA



Kulit kerang



Kertas warna



Kulit telur




Pensel

TEKNIK

Tampalan

HASIL




KESAN

Kesan jalinan sentuh yang dihasilkan dapat dilihat dan dirasa melalui sentuhan



TIP

Gunakan penyepit kecil bagi memudahkan proses penyusunan mozek dengan kemas.



Jalinan dapat dihasilkan dengan media yang digunakan semasa eksplorasi. Kenal pasti jenis jalinan yang dihasilkan. Jalinan sentuh atau jalinan tampak?



Pensel warna



Pen penanda



Pen teknikal



Cat air




Cat poster

Lukisan

Catan (Kering atas basah)

Catan (Basah atas kering)



Kesan jalinan tampak yang dihasilkan dapat dilihat tetapi tidak dapat dirasa melalui sentuhan

Kesan jalinan tampak

Kesan jalinan tampak



INFORMASI

Hasil mozek perlu menampakkan ruang dan garisan pemisah di antara dua bahagian yang digunakan.



2.1.3
(i, ii, iii)

- Bersoal jawab dengan murid tentang bahasa seni visual (jalinan, warna, penegasan, kepelbagaian) semasa proses penerokaan.
- Bimbing murid meneroka pelbagai jenis media dan teknik semasa membuat karya gabungan.

Keindahan Bunga Kekwa

Mari hasilkan gabungan mozek dan catan dalam satu karya.


A. Perkembangan Idea

1. Contoh Hal Benda




Bunga kekwa


2. Lakaran Idea



Lakaran 1



Lakaran 2



Lakaran 3 (pilihan)

B. Penentuan Bahan

Kenal pasti bahagian mozek dan catan.
Pilih jenis media dan teknik catan yang sesuai.

Badan pematik

- catan
- cat poster
- kertas lukisan

Bahagian latar

- mozek
- cat poster
- kertas lukisan

Sayap pematik

- mozek
- kulit telur

Bunga kekwa

- catan
- cat poster
- kertas lukisan

Daun

- mozek
- bod impra

Kad keras

C. Penghasilan Karya



7

Lukis bunga kekwa pada kertas lukisan yang pertama.



2

Warnakan bahagian bunga dan badan pematik menggunakan teknik kering atas basah.



Gunakan warna sejuk dalam karya kamu dengan ton warna hijau dan biru.



ALAT DAN BAHAN

Kad keras



Kertas lukisan



Pensel



Pembaris



Cat poster



Berus



Span



Gunting




Gam



3

Warnakan bahagian latar pada kertas lukisan yang kedua menggunakan kumpulan warna sejuk.



Bahagian latar dan objek utama yang siap.




4

Hasilkan garisan mozek pada bahagian latar sebagai panduan untuk menggunting.

5

Guntingkan bahagian latar mengikut garisan untuk mendapatkan kepingan mozek.



- Bimbing murid menentukan tema dan tajuk melalui sumber idea.
- Bimbing murid menyediakan perkembangan idea gabungan karya mozek dan catan.
- Bimbing murid menetapkan media dan teknik yang akan digunakan.
- Aktiviti ini juga boleh dijalankan secara berpasangan.




Hasil tampalan mozek.


6 Tampal hasil guntingan pada kad keras mengikut susunan mozek yang dirancang.




7 Guntingkan hasil catan bunga kekwa dan pepatung.



8 Tampal hasil guntingan pada mozek yang telah disediakan.



Gunakan pencungkil gigi untuk menyusun kulit telur.



9 Susun dan tampal kulit telur pada bahagian sayap pepatung.



10 Potong dan tampal bod impre pada bahagian daun.

D. Kemasan Karya

11

Buat kemasan pada karya dengan bahan hiasan yang sesuai.



12

Semburkan hasil karya dengan penyembur pengilat.



TIP

Semburan pengilat bertujuan melindungi hasil karya daripada kotor dan rosak.



AWAS

Berhati-hati semasa menggunakan penyembur pengilat.



ALAT DAN BAHAN

Bod impra



Kulit telur



Pencungkil gigi



Penyembur pengilat



Bahan hiasan



Mari lakukan apresiasi pada karya yang dihasilkan oleh rakan kamu. Bincangkan bahasa seni visual yang digunakan pada karya tersebut.


Penegasan wujud apabila terdapat sesuatu unsur yang menonjol atau kontra dalam hasil karya.



KBAT

Apakah kepelbagaian yang wujud dalam hasil karya kamu?

Karya gabungan mozek dan catan dengan hiasan bingkai kulit kerang.



- Pastikan murid mematuhi disiplin pengkaryaan dan nilai murni semasa menghasilkan karya.
- Bimbing murid membuat kemasan karya menggunakan bahan kitar semula.
- Bimbing murid menceritakan perihal karya menggunakan bahasa seni visual (jalinan, warna, penegasan, kepelbagaian) semasa sesi apresiasi.

EMK: Nilai Murni

: Menilai

PAK-21: Jalan Galeri (Gallery Walk)



UNIT 8

BINGKAI GAMBARKU



Titisan dihasilkan dengan menggunakan lilin, krayon dan *oil pastel* yang dititiskan secara bebas untuk mendapatkan kesan titisan yang pelbagai. Warna gelap digunakan sebagai warna akhir untuk menimbulkan kesan titisan lilin. Titisan akan dikikis untuk menimbulkan warna.

Warna biru dan hijau merupakan kumpulan warna sejuk.



INFORMASI

Titisan lilin akan menutup permukaan kertas dan akan menghalang warna yang disapu ke atasnya. Cara ini sama seperti teknik resis yang menggunakan lilin untuk menutup bahagian tertentu pada permukaan kertas.


Jalinan tampak pada hasil kerja titisan terhasil daripada kewujudan kesan titisan pelbagai warna.

Galeri Titisan

Mari lihat contoh-contoh hasil karya titisan.


Kepelbagaian warna memberikan kesan yang menarik pada hasil karya.

Karya ini dihasilkan dengan menggunakan lilin dan media basah. Bahagian latar disapukan satu warna sahaja dan dititiskan lilin serta disapukan warna gelap.



Harmoni rupa terhasil daripada titisan yang mempunyai saiz dan warna yang hampir sama.


Karya ini dihasilkan dengan menggunakan lilin dan media basah. Bahagian latar disapukan pelbagai warna terlebih dahulu dan dititiskan lilin serta disapukan warna gelap.



Karya ini dihasilkan dengan beberapa lapisan menggunakan media basah. Setiap lapisan warna yang dibuat akan dititiskan dengan lilin.



Karya ini dihasilkan dengan menggunakan lilin dan media kering. Bahagian latar diwarnakan dengan pensel warna dan dititiskan lilin. Pen penanda yang berwarna gelap dilorekkan untuk menimbulkan kesan titisan.



1.1.2
(i)

- Bimbing murid memahami maksud titisan berdasarkan karya titisan yang ditunjukkan.
- Bimbing murid menginterpretasikan bahasa seni visual (jalanan, warna, kepelbagaian, harmoni) pada contoh karya.

Teroka Media Titisan

Mari teroka media yang boleh menghasilkan titisan.

BAHAN	Lilin pelbagai warna	Lilin batik	Krayon	Oil pastel
 Lilin	 Lilin pelbagai warna	 Lilin batik	 Krayon	 Oil pastel
 HASIL	 HASIL	 HASIL	 HASIL	 HASIL
KESAN <ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan titisan lut sinar atau berwarna putih 	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan titisan pelbagai warna 	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan titisan berwarna kuning keemasan 	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan titisan pelbagai warna Bahan mudah cair 	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan titisan pelbagai warna Bahan mudah cair


AWAS
 Berhati-hati semasa mencairkan bahan titisan.

Mari cuba pelbagai media warna untuk menghasilkan kesan titisan.

BAHAN	Cat poster	Oil pastel	Pensel warna	Dakwat hitam
 Cat air	 Cat poster	 Oil pastel	 Pensel warna	 Dakwat hitam
 HASIL	 HASIL	 HASIL	 HASIL	 HASIL
KESAN <ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan kesan lut sinar 	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan kesan legap 	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan kesan lembut dan legap 	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan kesan legap 	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan warna hitam dan gelap


Sekarang, mari teroka penghasilan titisan dengan lebih menarik.

Eksplorasi Jarak

1

Titiskan lilin pada permukaan kertas pada kedudukan yang rendah dan tinggi.

Rendah



Tinggi



Susunan melintang



Susunan pusaran



Eksplorasi Susunan

Gunakan kreativiti membuat susunan tertentu dengan titisan.

2

Eksplorasi Arah

3

Cuba ubah kedudukan kertas. Condong pada satu arah atau pelbagai arah semasa menitiskan lilin.

Satu arah




Pelbagai arah



KBAT

Perhatikan titisan yang terhasil. Apakah perbezaan yang dapat dilihat?

Jalinan sentuh terhasil daripada titisan lilin yang dihasilkan. Cuba sentuh dan berikan pendapat kamu.



2.1.5
(i, ii, iii)

- Bersoal jawab dengan murid tentang bahasa seni visual (jalinan, warna, kepelbagaian, harmoni) semasa proses penerokaan.
- Bimbing murid meneroka pelbagai media dan teknik semasa membuat karya titisan.

EMK: Nilai Murni



: Mengaplikasi




PAK-21: Tinjau Kongsi
(Roam the Room)

Bingkai Dua Muka

Mari hasilkan bingkai gambar yang unik untuk meletakkan dan menukarkan gambar dengan mudah menggunakan hasil karya titisan.


A. Perkembangan Idea

1. Contoh Hal Benda




Bingkai gambar yang mempunyai rekaan unik.


2. Lakaran Idea



Lakaran 1




Lakaran 2



Lakaran 3
(pilihan)

B. Penentuan Bahan

Pilih jenis media yang sesuai untuk menghasilkan bingkai gambar yang kemas dan menarik.



C. Penghasilan Karya

1

Sapukan warna pertama pada kertas tebal.





2

Titiskan lilin pada kertas tebal yang telah diwarnakan.




AWAS

- Berhati-hati semasa mencairkan lilin.
- Pakai apron semasa menjalankan aktiviti.
- Jalankan aktiviti di kawasan lapang atau di luar bilik darjah.


TIP


- Semasa proses mewarna, mulakan dengan warna yang terang seperti kuning dan beransur gelap.


3

Warnakan kertas tebal dengan warna yang kedua.


4


Titiskan lilin ke atas hasil lapisan warna kedua.


5

Ulang langkah 3 dan 4 untuk warna ketiga.


6

Warnakan keseluruhan kertas tebal dengan warna hitam atau gelap.




Kesan jalinan sentuh wujud pada permukaan kertas tebal.



3.1.2
(i, ii, iii,
iv, v)


- Bimbing murid menyediakan perkembangan idea melalui pengolahan corak tidak terancang.
- Bimbing murid membuat perkembangan idea reka bentuk bingkai gambar.
- Bimbing murid menetapkan media dan teknik yang akan digunakan.
- Galakkan kreativiti murid semasa menitiskan titisan lilin supaya karya yang dihasilkan lebih menarik.
- Pastikan murid mematuhi disiplin pengkaryaan dan nilai murni semasa menghasilkan karya.





AWAS



- Kikis lilin perlahan-lahan supaya hasil karya tidak rosak.
- Pastikan permukaan karya sentiasa dibersihkan semasa proses mengikis lilin.



Kesan jalinan tampak yang terhasil setelah kesan lilin dikikis.

7

Kikis kesan lilin dengan hujung pembaris.





8

Potong hasil karya titisan kepada dua bahagian yang sama besar. Gunakan satu bahagian sahaja.

9

Bahagikan kepada beberapa bahagian.




10

Lipat bahagian yang telah ditandakan.

11

Tampal pita pelekat dua muka pada bahagian cantuman.



Hasil cantuman bahagian bahagian bingkai.



12 Cantumkan bahagian yang telah dilekatkan pita pelekat dua muka.

13 Hasilkan pemegang gambar dengan bahagian bucu sampul duit. Gunakan pita pelekat dua muka untuk melekatkan bahagian ini ke bingkai gambar.

C. Kemasan Karya



14 Hasilkan bunga daripada lebihan hasil karya titisan dan hiaskan pada bingkai gambar.



TIP

Tampal bucu sampul duit yang telah dipotong bersama-sama dengan gambar pada bingkai untuk menentukan kedudukan pemegang gambar yang betul dan tepat.



Tahniah, bingkai gambar kamu berjaya disiapkan!

Selitkan gambar pada kedua-dua bahagian bingkai gambar ini.




Hadapan



Belakang

Mari lakukan apresiasi pada karya kamu. Nyatakan bahasa seni visual, teknik dan proses pada karya yang telah siap.




- Pastikan murid mematuhi disiplin pengkaryaan dan nilai murni semasa menghasilkan karya.
- Bimbing murid membuat kemasan akhir pada reka bentuk bingkai.
- Bimbing murid memerihalkan hasil karya sendiri secara kritis menggunakan bahasa seni visual, teknik dan proses yang telah digunakan.

UNIT 9

HAIWAN PELIHARAAN



Arca stabail ialah sejenis arca yang mempunyai tapak yang kukuh dan dibina dalam pelbagai bentuk objek tiga dimensi. Antara bahan binaan utama arca termasuklah konkrit, batu, logam dan kayu. Bahan gantiannya pula seperti *plaster of Paris*, *papier mache*, kotak, plastik dan bahan kitar semula.



Lihat arca stabail di kawasan sekolah ini. Cuba lihat daripada pelbagai sudut pandangan untuk mengenal pasti bentuknya.

Garis yang berulang menghasilkan kesan ritma dan pergerakan.



INFORMASI

Profesor Madya Ramlan bin Abdullah ialah artis kontemporari dalam bidang arca yang berasal dari Kuala Kangsar, Perak. Beliau pernah memenangi pelbagai anugerah seni arca pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara karya beliau yang terkenal termasuklah *Wahdah* yang dipamerkan di Taman Tasik Perdana.





Wah, inilah arca stabail yang menjadi mercu tanda Sekolah Kebangsaan Desa Ilmu!

Rupa arca stabail ini berbentuk seekor kucing.

Karya ini mempunyai imbangan yang baik kerana dibina di atas tapak yang kukuh dan stabil.


Arca seperti ini dipamerkan di ruang terbuka.



- Bimbing murid menginterpretasikan bahasa seni visual (bentuk, rupa, imbangan, ritma dan pergerakan) pada contoh karya.
- Bersoal jawab dengan murid tentang ciri-ciri rekaan arca stabail.

Media dan Teknik Stabail

Stabail terdiri daripada struktur utama dan tapak yang boleh dihasilkan daripada pelbagai media. Tapak stabail perlu lebih kukuh daripada struktur utama bagi menampung kepelbagaian bentuknya.



Lihat stabail itik ini! Stabail ini menunjukkan imbalan tidak simetri pada bahagian tapak dan struktur utama. Tapak yang kukuh penting untuk mengekalkan keseimbangan. Penggunaan bentuk yang berulang pada sayap menghasilkan kesan ritma dan pergerakan.

Mari teroka bahan untuk membina tapak arca stabail yang dapat menampung struktur utamanya.

Bahan



Plaster of Paris

Teknik dan Proses



Plaster of Paris dimasukkan ke dalam bekas telur

Hasil



Sifat Bahan

- Berat dan kukuh



Batu hiasan



Batu hiasan diisikan ke dalam botol plastik



- Berat dan mudah digunakan

Mari teroka penghasilan struktur utama arca stabail menggunakan pelbagai media dan proses.

Bahan

Alat

Teknik dan Proses

Hasil

Sifat Bahan



Bod busa



Pemotong polistirena



Cantuman bod menggunakan pita pelekat dua muka



- Mudah dipotong dan sesuai untuk menghasilkan stabail berskala kecil



Plaster of Paris



Acuan



Plaster of Paris dimasukkan ke dalam acuan




- Kukuh dan mudah dibentuk mengikut acuan



Dawai



Playar muncung tirus



Cantuman dawai menggunakan lilitan



- Mudah dibentuk dan sesuai sebagai kemasan karya




- Bersoal jawab dengan murid tentang bahasa seni visual (bentuk, rupa,imbangan, ritma dan pergerakan) semasa proses penerokaan.
- Bimbing murid meneroka pelbagai media, teknik dan proses dalam penghasilan arca stabail.

Stabail Kucing Kesayangan

Mari hasilkan arca stabail bertemakan alam semula jadi.

A. Perkembangan Idea

1. Contoh Hal Benda




Kucing

2. Lakaran Idea

Pandangan hadapan	Pandangan perspektif	
		Lakaran 1
		Lakaran 2 (pilihan)
		Lakaran 3

B. Penentuan Bahan


Kenal pasti struktur utama dan tapak stabail. Pilih bahan yang sesuai supaya stabail lebih kukuh dan selamat.



C. Penghasilan Karya

Lakar tiga rupa kucing pada bod busa. Satu daripadanya bersaiz besar.





2

Potong bod busa mengikut lakaran.



Hasil potongan rupa kucing.



AWAS

Berhati-hati semasa memotong bod busa menggunakan pemotong polistirena.



ALAT DAN BAHAN


Bod busa



Pensel



Pita pelekat dua muka




Pemotong polistirena



Batu hiasan



Bahan hiasan



3

Cantumkan rupa kucing pada penyambung supaya kukuh dan seimbang.



4

Susun kedudukan rupa kucing yang bersaiz besar di tengah-tengah untuk menghasilkan gambaran bentuk kucing.



Hasil struktur utama stabil.




3.14
(i, ii,
iii, iv)


- Bimbing murid membuat carian gambar daripada pelbagai sumber dalam penentuan tema.
- Bimbing murid mempelbagaikan jenis media dan teknik yang sesuai supaya arca kukuh dan selamat.
- Bimbing murid mempelbagaikan bentuk dan rupa semasa proses penghasilan karya.



5 Lakar empat rupa bujur dengan saiz yang berbeza pada bod busa.



6 Potong keempat-empat rupa bujur tersebut.



7 Tebuk lubang pada lapisan kedua dan ketiga dengan saiz yang sama.



8 Lekatkan ketiga-tiga lapisan tapak menggunakan pita pelekat dua muka.

9

Masukkan batu hiasan di tengah-tengah lapisan sebagai pemberat untuk mengukuhkan tapak.





10 Lekatkan lapisan keempat pada lapisan ketiga. Tapak yang terhasil menampakkan kesan ritma dan pergerakan.

11

Lekatkan hasil struktur utama pada bahagian tapak menggunakan pita pelekat dua muka.



C. Kemasan Karya

12 Buat kemasan arca stabail dengan bahan hiasan yang sesuai.




Tahniah, kamu telah berjaya menyiapkan arca stabail kucing yang ringkas dan menarik!

Mari lakukan apresiasi karya arca stabail yang telah kamu hasilkan. Bincangkan tentang bahasa seni visual, teknik dan proses yang digunakan dalam penghasilan karya.



Contoh reka bentuk lain



- Bimbing murid meneroka unsur seni semasa proses penghasilan arca stabail.
- Galakkan murid mempelbagaikan bahan dan teknik.
- Bimbing murid membuat apresiasi berdasarkan bahasa seni visual, teknik dan proses.



BUNGA KEMBOJA EMAS



Seni tekat antara seni warisan negara kita yang masih kekal terpelihara. Seni tekat ini juga dikenali sebagai seni sulaman timbul atau suji timbul. Kraf ini sangat terkenal di Kuala Kangsar, Perak. Tekat juga merupakan aksesori mewah dan dimiliki oleh golongan bangsawan ataupun keluarga diraja pada zaman dahulu.

Seni tekat lazim digunakan untuk istiadat dan upacara tertentu seperti perkahwinan, peminangan, kelahiran, berkhatan dan khatam al-Quran. Orang yang mahir menekat ini dipanggil penekat atau tukang tekat.

Jalinan sentuh pada motif tekat timbul.

Kesatuan pada penyatuan unsur seni keseluruhan sarung bantal.

Rupa organik pada mempulur yang bermotifkan bunga pecah lima.

Kontra warna pada sarung bantal dengan motif tekat.



KBAT

Kenal pasti motif seni tekat yang dihasilkan sama ada flora atau fauna.

Jenis Tekat

Tekat terbahagi kepada dua, iaitu tekat timbul benang emas dan tekat gubah.

Tekat Timbul Benang Emas

Motif tekat menggunakan mempulur yang disulam dengan benang emas.




Tekat Gubah

Motif disulam dengan benang berwarna-warni tanpa menggunakan mempulur dan adakalanya dihiasi manik.




Alatan Tekat Tradisional



INFORMASI

Hajah Azizah binti Muhd Yusof ialah Adiguru Kraf Tekatan Benang Emas yang telah dianugerahi Tokoh Kraf Negara pada tahun 2018. Beliau masih aktif menekat dan sering menerima tempahan eksklusif daripada pihak istana dan orang kenamaan sejak tahun 1950-an.



- Bimbing murid menginterpretasikan bahasa seni visual (rupa, jalinan, kesatuan, kontra) pada contoh karya tekat.
- Bimbing murid mengenal dua jenis tekat melalui teknik, media dan bahan yang digunakan pada tekat tersebut.

Motif Tekat

Kebanyakan motif tekat dipengaruhi oleh alam sekeliling. Motif ini diilhamkan daripada flora dan fauna. Antara motif yang menjadi pilihan penekak termasuklah bunga padi, bunga kekwa, bunga cempaka, bunga pecah lima, bunga melur dan rama-rama.



Bunga padi



Bunga pecah lima



Bunga melur



Bunga kekwa




Bunga cempaka



Rama-rama

Teknik Sulaman Tekat

Mari belajar cara untuk menghasilkan tekat timbul. Secara asasnya, tekat menggunakan dua jenis benang, iaitu benang emas atau perak yang dililit pada geligin, manakala benang biasa yang menggunakan jarum.




Jahitan benang biasa menembusi bahagian bawah mempulur dan kain dasar untuk mengikat mempulur pada kain baldu.

Keratan rentas cara menekak

Eksplorasi Tekat

Untuk membuat kraf tekat, pemilihan alat dan bahan gantian yang sesuai perlu dibuat agar hasil tekat yang dikehendaki dapat disulam dengan baik.

Permukaan Tekat



Kain baldu

Bahan Tekat



Reben

Mempulur



Kad busa

Hasil Tekat



Kain felt



Benang bulu kambing



Kad keras



Kain guni



Benang sulam



Kertas tebal




Kain kapas



Benang kait tebal



Kadbod



- Bersoal jawab dengan murid tentang bahasa seni visual (rupa, jalinan, kesatuan, kontra) semasa proses penerokaan.
- Bimbing murid meneroka pelbagai media, teknik dan proses dalam penghasilan tekat.

EMK: Nilai Murni

 : Mengaplikasi

 PAK-21: Tinjau Kongsi
(Roam the Room)

Bunga Kemboja Emas

Mari hasilkan tekat bermotifkan bunga kemboja.


A. Perkembangan Idea

1. Contoh Hal Benda




Bunga kemboja
(bunga pecah lima)


2. Lakaran Idea



Lakaran 1
(pilihan)



Lakaran 2




Lakaran 3

B. Penentuan Bahan

Pilih jenis media yang sesuai.


Kain baldu



Bahan hiasan

Mempulur
• kad busa

C. Penghasilan Karya



1
Lukis motif mempulur
pada kad busa.




ALAT DAN BAHAN

Pensel




Kain baldu



Kad busa



Ram



Benang emas



Benang



Jarum




Gam kuat



Gunting



Bahan hiasan




2

Guntingkan motif mempulur.

3

Tampal mempulur pada bahagian tengah kain baldu menggunakan gam kuat.



4

Pasangkan kain baldu pada ram dan ketatkan skru ram.




INFORMASI

Ram merupakan bingkai bagi jahitan sulaman mini, manakala pemedang ialah bingkai tekat atau tenun yang bersaiz besar.

- Bimbing murid menentukan tema dan tajuk melalui sumber idea.
- Bimbing murid membuat perkembangan idea reka bentuk dan motif mempulur beridentitikan kebangsaan.
- Bimbing murid menetapkan jenis media dan teknik yang sesuai.
- Minta murid mengamalkan disiplin dan nilai murni semasa berkarya.





5

Jahit benang biasa dari bawah ke atas mempulur.




TIP

Sebaik-baiknya gunakan warna benang biasa yang sama dengan kain baldu agar kelihatan lebih kemas.

Silangkan benang emas di atas mempulur dan kemaskannya dengan benang biasa pada kain baldu.

6




7

Pastikan benang emas menutupi keseluruhan bahagian atas mempulur dan benang biasa di bahagian bawah kain.

Matikan jahitan di bawah kain dengan kemas dan guntingkan benang.

8






9

Ulang langkah 7 hingga 10 sehingga benang emas menutupi setiap mempulur.

Keluarkan kain baldu daripada ram.

10



Hasil seni tekat benang emas bunga kempoja.



D. Kemasan Karya

11


Hias hasil tekat dengan bahan hiasan.



Tahniah, kamu berjaya menghasilkan karya tekat timbul benang emas dengan baik!



- Bimbing murid menjahit benang emas ke bawah mempulur dan pastikan benang kelihatan di bawah kain baldu dengan betul.
- Bimbing murid membuat kemasan karya akhir.
- Bimbing murid membuat apresiasi hasil karya berdasarkan bahasa seni visual, teknik dan proses penghasilan karya.
- Bersoal jawab dengan murid cara mengekalkan tradisi ini kepada generasi akan datang.



EMK: Nilai Murni



PAK-21: Jalan Galeri (Gallery Walk)

GLOSARI

adiguru	Seseorang yang diberi penghormatan dan pengiktirafan oleh kerajaan Malaysia sebagai tokoh.
aksesori	Alat atau bahan yang melengkapi penampilan sesuatu atau seseorang.
doh	Adunan tepung yang dicampurkan dengan air dan lain-lain yang telah diuli.
garisan paksi	Garisan yang diletakkan di tengah-tengah satu objek untuk menunjukkan keseimbangan simetri antara bahagian kiri dengan kanan atau atas dengan bawah.
geligin	Alat untuk melilit benang emas yang juga dikenali sebagai cuban mengikut dialek tempatan.
kertas surih	Kertas nipis lut sinar yang digunakan untuk menangkap atau menyurih sesuatu.
legap	Lapisan warna yang tebal dan tidak dapat ditembusi cahaya.
media	Alat dan bahan perantara bagi menghasilkan sesuatu karya.
mempulur	Motif tekat yang dihasilkan daripada kadbod, kad keras atau bahan lain yang sesuai.
<i>modelling clay</i>	Bahan lembut pelbagai warna yang digunakan untuk tujuan membentuk.
<i>paper clay</i>	Bahan yang diperbuat daripada tanah liat, kertas tisu, gam dan beberapa bahan lain.
pembakaran terbuka	Pembakaran yang dibuat di kawasan terbuka di luar bengkel menggunakan bahan bakar seperti kayu, ranting, buluh, sabut dan sebagainya.
penyembur pengilat	Alat yang digunakan untuk menambahkan kesan berkilau dan berkilat pada permukaan objek.
pita velkro	Pita dua jalur fabrik nilon yang melekat antara satu sama lain apabila ditekan.
polimer lembut	Sejenis tanah liat yang dapat dikeraskan berdasarkan polimer polivinil klorida (PVC).
sepuhan kaca	Bahan yang disapukan pada permukaan seramik dan tembikar untuk menjadikannya licin dan berkilat.
struktur utama	Bahagian utama yang membentuk sesuatu objek dalam penghasilan arca.
tanur	Sejenis dapur khas yang menggunakan gas, elektrik atau minyak untuk membakar tembikar.
terapan	Kaedah yang digunakan untuk menghasilkan motif dan corak menggunakan alat yang diterap pada permukaan tembikar.


Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Skim Pinjaman Buku Teks			
Sekolah _____			
Tahun	Darjah	Nama Penerima	Tarikh Terima
Nombor Perolehan: _____			
Tarikh Penerimaan: _____			
BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL			



RM7.50

ISBN 978-983-49-2837-7



9 789834 928377

BT185001